

Curi pasir masih berleluasa di Selangor

Kegiatan tidak dipantau pihak berkuasa dikesan di Rawang, Hulu Langat, Semenyih

● IQMAL HAQIM ROSMAN | BERITA HARIAN

EKSKLUSIF

Oleh Sarah Sulaiman
sarahsulaiman@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kegiatan mencuri pasir dikesan masih beroperasi di lima kawasan di Selangor walaupun sudah dikenakan tindakan undang-undang akibat tidak dipantau oleh pihak berkuasa.

Tinjauan mendapati kegiatan berkenaan berleluasa masing-masing dua di Rawang dan di Hulu Langat serta satu di Semenyih dengan jengkaut mengorek pasir dan penyembur untuk mengasingkan pasir daripada tanah beroperasi aktif untuk membekalkan pasir kepada pembeli.

Berhampiran Bandar Country Homes, di Rawang dua sindiket berasingan beroperasi di dua kawasan menggunakan beberapa mesin penyedut pasir dikenali sebagai mesin plantun yang menyedut pasir hingga mewujudkan kawah besar di sekitarnya. Dua jengkaut juga dilihat memunggah masuk pasir ke beberapa lori yang menunggu giliran.

Pemandu lori didapati menggunakan jalan alternatif melalui laluan sebuah projek perumahan yang turut dilalui lori pembinaan sejauh tiga kilometer (km) menghubungkan jalan utama untuk mengaburi kegiatan mereka.

Difahamkan, setiap hari hampir 30 lori keluar masuk ke setiap lokasi dan membawa pasir yang siap dicuci melalui lorong tikus menembusi jalan utama yang turut mengakibatkan kesesakan jalan raya.

Di kawasan Sungai Tekali, di Hulu Langat, sebuah lori membawa muatan pasir tergelincir ke dalam longkang ketika cuba membelok dari arah Sungai Tekali menuju Kajang di persimpangan lampu isyarat Batu 14, bulan lalu hingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas.

Menurut sumber, kegiatan curi pasir di Sungai Tekali kebal daripada tindakan undang-undang kerana pengusahanya berani menjalankan operasi di tepi jalan raya tanpa dikesan.



TINJAUAN kegiatan mengangkut pasir secara haram di Sungai Tekali, Hulu Langat dan Saujana Rawang (bawah).



nakan tindakan. Ketika tinjauan, kawasan bukit berhampiran sudah digondolkan tanpa mengambil kira kemusnahan sumber alam.

Tinjauan dari atas bukit di seberang jalan mendapati sekurang-kurangnya tiga jengkaut menaruh tanah bukit sebelum pasir dibawa lori hantu keluar dari kawasan berkenaan. Kegiatan menaruh tanah bukit untuk mengambil pasir itu

tidak dapat dilihat dari luar kerana mereka mendirikan dinding zink bagi melindungi kegiatan itu.

Kegiatan sama juga berleluasa di Batu 11, Hulu Langat dengan menggunakan doket palsu dari Kuari Sungai Long untuk membawa keluar pasir dari bukit bersebelahan kuari berkenaan. Pengusahanya dikatakan mengeluarkan resit 'kuari das' atau hasil cucian kuari menyebabkan ia



seolah-olah mendapat lesen untuk menjalankan kegiatan itu.

Sumber yang membawa *Berita Harian* ke lokasi terbabit kira-kira 15km dari jalan utama mendapati lima jengkaut menaruh dan mengumpul pasir ke tempat cucian selain beberapa lori keluar masuk mengangkut pasir. Akibat kegiatan itu, laluan masuk ke kawasan berkenaan rosak dan berlubang selain

simpang jalan menjadi sesak hampir setiap hari.

Di Bukit Broga, Semenyih pula, kegiatan haram masih berleluasa walaupun sudah dikenakan tindakan penguatkuasaan. Tinjauan mendapati mesin timbang yang digunakan bagi mengira kapasiti muatan di pintu masuk masih beroperasi, selain lima anjing pengawal diletakkan di laluan utama.